

Urus isu Lynas perlu data saintifik, bukan dikaburi agenda politik

• Beberapa pihak anti-Lynas berpendapat WLP terkumpul banyak di kilang Lynas itu sangat berbahaya dan mesti dihantar balik ke Australia

• Hanya melalui penyelidikan, hasil inovasi dapat diperoleh bukan sahaja menggunakan WLP secara selamat, bahkan mengurangkan penstorannya



Oleh Datuk Dr. Badrulhisham Abdul Aziz dan Prof Madya Dr Mohd Yusri Mohd Yusri
bhrencana@bh.com.my



Badrulhisham adalah Pengerusi Perunding Utama Pusat Kestarian Elemen dan Sumber Alam (PUSAT ALAM), Universiti Malaysia Pahang (UMP), manakala Mohd Yusri adalah Pengerusi PUSAT ALAM

Isu keselamatan berkaitan operasi kilang Lynas di Gebeng, Pahang sekali lagi menjadi perdebatan apabila lesen operasi kilang hendak diperbaharui. Ini bukan kali pertama berlaku, tetapi setiap kali lesen operasi Lynas perlu diperbaharui.

Perkara ini berulang lagi pada tahun ini kerana pada 2 Mac ini, lesen operasi Lynas akan tamat dan mesti diperbaharui. Sekali lagi episod usaha menamatkan 'tugas belum selesai' bermula.

Perdebatan kali ini lebih hangat selepas Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi membuat sidang media untuk mengumumkan syarat lesen. Ia agak jarang kerana kebiasaannya pembaharuan lesen operasi kilang terletak di bawah kawalan Jabatan Tenaga Atom (JTA) yang hanya perlu dilakukan secara dalam talian.

Perdebatan kali ini rata-rata berpusat kepada persoalan pelapuan sisa water leach purification (WLP) dikategorikan sebagai radioaktif.

Beberapa pihak anti-Lynas berpendapat WLP terkumpul banyak di kilang Lynas itu sangat berbahaya dan mesti dihantar balik ke Australia. Jika tidak, Lynas mesti menghentikan operasinya.

Sebaliknya menteri berkenaan menggunakan lesen operasi itu disambung tiga tahun lagi bermula dengan syarat ia menghentikan proses Cracking and Leaching (C&L) kerana menghasilkan WLP dianggap radioaktif. Malah, menteri dilaporkan dalam platform media sosialnya, mempertimbangkan satu pilihan untuk membenarkan C&L jika WLP boleh dibawa keluar dari negara ini.

Justeru, sejauh manakah WLP berbahaya? Kajian pencirian dilakukan ke atas WLP mendapati ia bahan radioaktif dikategorikan JTA dan Agensi Tenaga Atom Antarabangsa (IAEA) sebagai Radioaktif Aras Sangat Rendah. Aras ini adalah satu tahap pada aras keradioaktifan tidak perlu dikawal.

Secara relatif keradioaktifan WLP adalah setara dengan keradioaktifan yang terdapat pada sasetengah batu fosfat (rock phosphate) yang diimport Malaysia untuk membuat baja. Keradioaktifan WLP sekitar 6 Bq/g Th ini jauh lebih rendah

berbanding manasir daripada tahi bijih (manasir) Malaysia yang keradioaktifannya mencecah 300 Bq/g Th. Sesi minyak (petroleum shale) juga mempunyai keradioaktifan sekitar 31 Bq/g Th 258.

Kadar radiasi daripada WLP mengikut beberapa laporan agensi antarabangsa seperti IAEA, pementasan berterusan Lembaga Pelesenan Tenaga Atom (AELB) dan beberapa pihak ketiga seperti universiti awam (UA), kadarnya amat rendah dan tidak melebihi paras piawai ditetapkan (baruan dos awam dari Lynas tidak melebihi 0.2 mSv/tahun berbanding piawai had awam 1 mSv/tahun).

Menyuarat dan menyuarat

Menurut laporan daripada Lynas, ia melakukan kajian menggunakan WLP untuk membangunkan CombiSoil, sejenis perapi tanah untuk tanah gersang. Kajian hampir lima tahun itu, membabitkan perbelanjaan berjuta ringgit dengan kelulusan dan pemantauan pihak berkuasa seperti JAS dan JTA dilakukan penyelidik Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Malaysia Pahang (UMP), MARDI serta makmal diskredensi SIRIM mengesahkan WLP selamat digunakan sebagai perapi tanah.

Malah, menyuarat Ketua Pengarah JAS, Timbalan Ketua Pengarah AELB, Ketua Pengarah MARDI, Pengerusi Besar MADA dan Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Pertanian bersama Ketua Setiausaha Negara (KSN) pada 18 Februari 2020 menyatukan tidak halangan CombiSoil digunakan sebagai perapi tanah.

Kemungkinan, WLP adalah pencacua fosfat setara dengan diperoleh daripada batu fosfat digunakan dalam pembuatan baja. Batu fosfat juga mengandungi bahan radioaktif setara dengan WLP.

Apa yang kurang difahami dan mengejutkan ialah pada 2020, JTA/Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (MESTRCC) mengarah Lynas menghentikan semua aktiviti penyelidikan membabitkan WLP sebagai perapi tanah. Arahan ini terkandung dalam syarat lesen operasi Lynas lagi 2020-2023.

Keputusan itu memeranjatkan dunia penyelidikan kerana Kementerian itu dihasrakan menggalakan lagi aktiviti penyelidikan, malah mencadangkan kajian WLP diperluaskan, bukan dihentikan.

Hanya melalui penyelidikan, hasil inovasi dapat diperoleh bukan sahaja menggunakan WLP secara selamat, bahkan mengurangkan penghasilan dan penstoran WLP.

Sebaliknya MESTRCC mengarah pembinaan Kemudahan Pelupusan Kekal untuk mengesahkan WLP, sekali gus menjadikan Kementerian yang sepatutnya menjunjung prinsip 'from cradle to cradle' dalam pengurusan sisa industri, memilih pembekalan 'from cradle to grave' yang agak asing daripada konsep ekonomi kitaran.

Banyak kali kita mendengar cadangan dan desakan agar WLP dihantar balik ke Australia kerana bahan mentahnya berasal dari negara itu. Peledekatan ini sama seperti mengarah negara kita menerima sisa industri pemprosesan baukaut di China kerana baukaut berasal dari sini.

Apakah kita wajar mendedak kerajinan mengantar kembali enajenator dan skot minyak radioaktif, hasil penapisan minyak mentah import ke negara pembekal? Apakah kita mahu menerima sisa pemprosesan getah asli dibuat di luar negara dihantar balik ke negara ini kerana kita pembekal susu getah berkemangan?

Pemindahan sisa industri dari negara manajanya ke negara lain perlu mengikut konvensyen antarabangsa misalnya Konvensyen Basel dan Protokol IAEA yang 'kodua-dua negara pekehaport serta penerima bersetuju. Kaedah ini sangat tidak dipalakkan, malah tidak bertanggungjawab, sebaliknya negara manajanya sisa perlu mencari jalan menguruskannya sebaik mungkin.

Oleh itu, apakah sepatutnya Malaysia dan Lynas lakukan terhadap sisa di negara? Tidak mengklasifikasi WLP sebagai sisa hingga tidak boleh dimanfaatkan, selain menggalakan penyelidikan bukan sahaja untuk menguruskannya, bahkan mengurangkan penghasilannya.

Isu ini bukan sekadar pengurusan

Pihak berkuasa juga perlu mematuhi penyelidikan berkaitan sisa dan hasil penyelidikan kitar semula. Jika standard ditetapkan untuk semua produk diimport, pihak berkuasa mesti teguh membuat keputusan dan perakuan menerima produk berkemangan kerana sebarang kelewatan akan menimbulkan kerugian pengguna.

Penstoran WLP di Kemudahan Pelupusan Kekal (PDP) juga hendaklah menjadi pilihan terakhir apabila WLP benar-benar disahkan sebagai sisa. Apabila, memulihkan sisa ke negara pembekal tidak sepatutnya dipertimbangkan jika kita sendiri tidak mahu menerima sisa akibat pemrosesan bahan mentah kita di luar negara.

Dagi langkah ke hadapan dengan keadaan pasca COVID-19 mencabar dari segi ekonomi, negara perlu mengambil langkah lebih konstruktif dalam membangunkan ekonomi, antaranya pembangunan industri mineral kritikal negara. Menangani isu seperti lori nadiir bumi Lynas dengan tidak memberi perhatian sewajarnya kepada data saintifik dan maklumat tepat serta dikaburi kepentingan politik, amat merugikan negara.

Industri nadiir bumi amat kritikal dan strategik dalam pembangunan tenaga bersih, hijau, kenderaan elektrik, industri pemangkin, pertubuhan dan elektronik. Dengan mengambil langkah bijak dalam mengurus industri nadiir bumi serta mengambil kira secara serius kepentingan faktor alam sekitar, sosial dan nadiir urus (ESG) dan Melanin Pembangunan Maman (SDG), kita akan dapat maju lebih cepai.

